

# Mohamed Dzaidin

## Ketua Hakim Negara

BH 8 DEC 2000  
KUALA LUMPUR, Khamis

— Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah berkenan melantik Tan Sri Mohamed Dzaidin Abdullah sebagai Ketua Hakim Negara yang baru.

Pelantikan itu atas nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja, menurut kenyataan akhbar pejabat Perdana Menteri di sini.

Penjelasan ini sekali gus menolak laporan yang disiarkan laman web Malaysiakini.com kononnya berlaku kekeliruan berhubung pelantikan Mohamed Dzaidin.

Malaysiakini.com mendakwa kekeliruan itu menjadi lebih serius apabila Dr Mahathir dikatakan “tidak dimaklumkan sebarang berita” mengenai pelantikan itu daripada Majlis Raja-raja Melayu, walaupun Perdana Menteri menghadiri sidang itu.

Menurut kenyataan tiga perenggan itu, Mohamed Dzaidin, 63, menggantikan

Tun Eusoff Chin yang akan tamat tempoh perkhidmatannya pada 19 Disember.

Beliau dilahirkan pada 16 September 1937 di Arau, Perlis dan mendapat pendidikan awal di sebuah sekolah Melayu di Arau dan kemudian di Kolej Sultan Abdul Hamid di Alor Star.

Mohamed Dzaidin memulakan kerjaya dalam bidang perundangan setelah diterima menjadi peguam di England pada 19 Julai 1966 dan di Malaysia pada 28 Januari 1967.